

AKUAN BERKANUN

Saya, _____
(No. Kad Pengenalan: _____), yang beralamat di

_____ dengan sesungguhnya dan sebenarnya
MENGAKU dan BERIKRAR seperti berikut:-

1. Saya mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan Bank Simpanan Nasional ("BSN") dan Cagamas Berhad ("Cagamas") telah melancarkan Skim Perumahan Belia ("SPB"), dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") kepada belia-belia yang layak tertakluk kepada terma-terma dan memenuhi syarat-syarat yang tersebut satu-persatu di dalamnya.
2. Saya dengan ini mengaku berhasrat untuk menyertai SPB untuk membeli setu unit rumah kediaman ("Hartanah").
3. Saya dengan ini mengaku bahawa ini adalah kali pertama saya membeli rumah dan Hartanah ini akan menjadi rumah pertama saya. Hartanah ini hendaklah digunakan sebagai kediaman saya sendiri .
4. Saya dengan ini bersetuju untuk mengeluarkan simpanan KWSP saya iaitu daripada Akaun 2 untuk membayar ansuran bulanan kemudahan yang akan ditawarkan oleh BSN di bawah SPB dan pembayaran akan dibuat terus oleh KWSP kepada BSN pada setiap bulan.
5. Saya dengan ini bersetuju bahawa BSN diberi kuasa tidak boleh batal untuk menzahirkan dan/atau menzahirkan dan/atau untuk memperoleh apa-apa maklumat mengenai saya (termasuk apa-apa data peribadi) termasuk tetapi tidak terhad kepada butir-butir kemudahan (termasuk lain-lain kemudahan yang telah diberikan atau yang akan diberikan oleh BSN kepada saya), apa-apa cagaran yang diambil dan urusanniaga yang dijalankan dengan BSN, kepada semua atau mana-mana pihak yang berikut: -
 - (i) Kerajaan Malaysia;
 - (ii) Cagamas Berhad;
 - (iii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja;
 - (iv) mana-mana individu dan/atau pihak yang mana BSN adalah di bawah tanggungjawab untuk membuat penzahiransebagaimana yang difikirkan perlu; dan
 - (iv) mana-mana pihak sekuriti.

6. Saya juga menyadari bahawa adalah menjadi satu kesalahan jenayah bilamana saya mempengaruhi Bank untuk memberikan Pinjaman / Kemudahan Perumahan di bawah SPB kepada saya berdasarkan pengisytiharan palsu.
7. Saya juga sedar bahawa hukuman penal yang akan dikenakan akibat tindakan pengisytiharan palsu seperti di atas adalah termasuk: -
 - (a) Dipenjarakan untuk tempoh tidak melebihi 3 tahun dan boleh juga dikenakan denda mengikut Seksyen 193 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 199 Kanun Keseksaan; atau
 - (b) Dipenjarakan untuk tempoh tidak kurang daripada 1 tahun dan tidak melebihi 10 tahun dan dengan sebatan dan boleh juga dikenakan denda selaras dengan seksyen 420 Kanun Keseksaan.
8. Saya dengan ini bersetuju bahawa sekiranya pengisytiharan yang dibuat seperti yang dinyatakan di atas didapati palsu maka BSN mempunyai hak mutlak untuk menarik balik, membatalkan atau menamatkan permohonan/kemudahan saya untuk SPB.
9. Saya membuat pengakuan dengan penuh kepercayaan bahawa perkara-perkara di atas adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

DITANDATANGANI dan DIAKUI OLEH)
)
(NO. K/P _____))
pada _____)

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah,